

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2019**

MPP 3

**PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1**

NAMA :

KELAS :

DIBIYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 10 .*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan di halaman 10.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 10 daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

BAHAGIAN A
(40 MARKAH)
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

Meminta bantuan syaitan atau jin untuk kepentingan diri

1 Pernyataan di atas menerangkan tentang _____.

- A sihir
- B syirik
- C nifak
- D khurafat

2 Berikut adalah akibat perbuatan menipu **kecuali**

- A membatalkan iman
- B dimurkai Allah SWT
- C memutuskan silaturrahim
- D tidak dipercayai oleh orang lain

- Menunaikan solat sebanyak sembilan rakaat sebanyak tiga kali sehari
- Berpuasa 19 hari dalam bulan Ramadan

3 Pernyataan di atas merujuk kepada ajaran _____.

- A Syiah
- B Bahai
- C Taslim
- D Qadyani

4 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai syirik.

- A Menolak hukum Allah SWT
- B Mempercayai perkara-perkara karut
- C Berpura-pura beriman kepada Allah SWT
- D Menyekutukan Allah SWT dengan makhluk

- Al Quran bukan makhluk
- Boleh melihat Allah SWT di dalam Syurga
- x

5 Pernyataan di atas merujuk kepada pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. X ialah _____

- A pelaku dosa besar dianggap kafir
- B menentang perkara - perkara bida'ah
- C iman boleh bertambah dan berkurang
- D perbuatan manusia dilakukan oleh manusia bukan Allah SWT.

Memberi perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya

- 6 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- A saham
 - B gadaian
 - C insurans am
 - D insurans nyawa
- 7 Pilih pernyataan yang **benar** tentang ibadat korban.
- A Sunat dimasak manis
 - B Wajib dilakukan oleh orang yang bernazar.
 - C Haram dimakan oleh orang yang berkorban.
 - D Harus dilakukan srbelum solat sunat hari raya haji.

"Seseorang isteri wajib 'taat' kepada suami"

- 8 Maksud taat kepada suami ialah _____.
- A mencari nafkah bersama
 - B mengikut segala perintah suami
 - C menegur suami jika melakukan kesalahan
 - D mematuhi suruhan selagi tidak bercanggah syarak

- Barang gadaian rosak.
- Penggadai membayar semua hutangnya.
- Barang gadaian dijual ayas perintah mahkamah.

- 9 Pernyataan di atas mengakibatkan gadaian _____.
- A sah
 - B rosak
 - C batal
 - D tamat kontrak

- Memerdekakan seorang hamba mukmin
- Puasa dua bulan berturut-turut.
- Memberi makan 60 orang fakir miskin.

- 10 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- A fasakh
 - B khuluk
 - C zihar
 - D lian

11 Pilih pernyataan yang benar mengenai syarat-syarat sah sai.

- I Cukup tujuh kali
 - II Suci daripada hadas
 - III Dilakukan selepas tawaf.
 - IV Bermula dari bukit Marwah
- A I dan II
B II dan III
C I dan III
D I dan IV

- Dilahirkan di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia.
- Pengarang kitab Tafsir al-Azhar.
- Bapanya seorang ulama terkenal.
- Meninggal dunia pada tahun 1981

12 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.

- A al-Sayid Jamaluddin al-Afghani
B al-Sheikh Muhammad Abduh
C al-Sheikh Tahir Jalaluddin
D HAMKA

13 Pengaruh luar yang mendorong kepada kemerosotan kerajaan Bani Abbasiyah ialah _____.

- A Turki dan Parsi
B Turki dan Hindi
C Parsi dan Yunani
D Hindi dan Yunani

- Berjihad mengikut tempat dan suasana.
- Digelar bapa *Usul Fikah*.
- Menghasilkan kitab *al-Umm*.

14 Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan _____.

- A Imam Abu Hanifah rahimahullah
B Imam Malik rahimahullah
C Imam al-Syafii rahimahullah
D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

15 *Diwan al-Jund* pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah dikaitkan dengan _____.

- A pentadbiran
B ketenteraan
C pendidikan
D kewangan

16 Ibnu Sina lebih terkenal dengan ilmu _____.

- A perubatan
B geografi
C kimia
D falak

17

- Berjihad memperbaiki diri.
- Berjihad melawan syaitan.
- Berjihad menghapuskan kezaliman dan kemungkaran.

Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A adab berjihad
- B peringkat jihad
- C kelebihan jihad
- D cara melahirkan semangat jihad

18 Tujuan utama menitikberatkan aspek penjagaan fizikal pesakit ialah untuk memastikan pesakit _____.

- A cepat sembuh
- B sentiasa bersabar
- C tidak meninggalkan solat
- D sentiasa mengingati Allah swt

19 Antara yang berikut yang manakah **bukan** hikmah beradab dengan Rasulullah S.A.W. _____.

- A dikasihi oleh Allah swt
- B mendorong kita melakukan sunnahnya
- C melahirkan insan beradab sesama makhluk
- D mudah mendapat apa sahaja yang dihajati

20 Perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah ialah _____.

- A menasihati supaya bersabar
- B meratapi kematian tersebut
- C menceritakan kebaikan jenazah
- D meminta perkara yang munasabah

Soalan 21 hingga soalan 30

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

21 Tidak percaya kepada Allah SWT serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW ialah pengertian _____.

22 _____ ialah faedah atau pertambahan bayaran dalam urusan pinjaman, hutang piutang dan pertukaran barang yang sejenis.

23 Riak, ujub dan takabbur adalah contoh _____.

24 Syiah _____ beriktikad bahawa kedudukan pelaku dosa besar berada di antara keimanan dan kekufuran

- Diadakan secara sederhana
- Tiada unsur khurafat dan maksiat
- Tidak ada hiburan yang melalaikan


25 Pernyataan di atas merujuk kepada adab mengadakan _____.

- 26 Orang yang melakukan sihir akan hilang pergantungan kepada Allah SWT kerana mendapat bantuan _____.
- 27 Islam telah menentukan adab-adab berzikir kepada Allah SWT. Antara adab tersebut ialah tubuh badan kita hendaklah sentiasa _____.
- 28 Orang dalam ihram yang memakai bau-bauan pada pakaian atau badan dikenakan dam _____.

Syarat penyewa dan pemberi sewa

- Tidak membazir.
- Kemahuan sendiri.
- X

- 29 X dalam rajah di atas ialah _____



- 30 Y dalam rajah di atas ialah _____

Soalan 31 hingga Soalan 33

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berkaitan adab dengan Rasulullah SAW yang disediakan dalam jadual di bawah.

bertawaduk	bersopan santun	beriltizam	berselawat
------------	-----------------	------------	------------

- 31 Ketika hadis baginda dibacakan kita hendaklah _____ seolah-olah baginda masih hidup.
- 32 Sentiasa _____ kepada Rasulullah SAW bagi menunjukkan rasa cinta terhadap baginda.
- 33 Mengikut segala sunnah Rasulullah SAW samada dalam perbuatan, perkataan, hukum, sikap dan pandangan merupakan cara _____ dengan sunnah baginda.

Soalan 34 hingga Soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 34 Kekuatan ekonomi kerajaan Bani Umayyah ialah pertanian dan _____.
- 35 Pusat perkembangan ilmu pada zaman kerajaan Umayyah di Andalus, Sepanyol ialah _____.
- 36 Mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah ialah sumbangan dan jasa khalifah _____.
- 37 Kitab *al-Musnad* merupakan karya agung _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

sah	haram	wajib	tidak sah
-----	-------	-------	-----------

- 38 Hak hadanah _____ dilaksanakan walaupun berlaku penceraian antara suami isteri.
- 39 Wali melafazkan ijab dalam bahasa Inggeris. Pengantin lelaki menerimanya juga dalam bahasa Inggeris dengan dipersetujui oleh dua orang saksi. Hukum perkahwinan itu adalah _____
- 40 Mentafsir ayat-ayat al-Quran mengikut hawa nafsu menurut ajaran Tasiim adalah _____ di sisi Islam.

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan

Jawab **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**

- 1 (a) Antara perkara yang membatalkan iman kepada Allah SWT ialah syirik.
- (i) Apakah maksud syirik. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh syirik jali yang masih diamalkan dalam masyarakat. [2 markah]
- (iii) Cadangkan langkah untuk mengatasi perbuatan syirik dalam masyarakat dan huraikan. [4 markah]
- (b) Menipu dan berbohong adalah perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT
- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan menipu. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara anda menghindarkan diri daripada perbuatan menipu. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** sumber pegangan utama Ahli Sunnah Waljamaah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat menolak pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]
- 2 (a) Saham merupakan salah satu bentuk muamalah dalam Islam.
- (i) Apakah maksud saham? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumber modal sesebuah syarikat selain daripada pinjaman. [4 markah]

- (iii) Saham dapat membangunkan ekonomi umat Islam.
Kemukakan pendapat anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) Khuluk dan fasakh adalah dua bentuk jalan penyelesaian kepada masalah yang berlaku dalam rumah tangga.
- (i) Nyatakan maksud khuluk. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara fasakh dengan talak. [4 markah]
- (c) Anak adalah amanah Allah kepada kedua ibu bapa.
Terangkan **dua** tanggungjawab bapa semasa ibu sedang hamil selain daripada menyediakan pakaian dan tempat tinggal. [4 markah]
- 3 (a) Memerangi golongan murtad, gerakan nabi-nabi palsu dan golongan yang ingkar membayar zakat adalah polisi khalifah Abu Bakar al-Siddik sebaik sahaja dilantik sebagai khalifah.
- (i) Jelaskan polisi khalifah Abu Bakar al-Siddik selain polisi di atas [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kebaikan tindakan di atas [4 markah]
- (b) Muhammad Abduh ialah tokoh *islah* (pembaharuan) yang ulung.
- (i) Terangkan cara beliau menyampaikan idea islahnya kepada umat Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan perjuangan *islah* beliau dalam bidang ilmu [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan jenis-jenis sedekah selain daripada senyuman. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **empat** adab memberi hadiah dan sedekah. [4 markah]



- (iii) Berpandukan gambar di atas.
Bagaimanakah amalan di atas dapat dibudayakan dalam kalangan murid di sekolah anda. Huraikan. [4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Bani Abbasiah telah berjaya meletakkan umat Islam di tempat yang tinggi pada kaca mata dunia.
- (i) Jelaskan faktor yang membawa kegemilangan kerajaan Bani Abbasiah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** peranan yang boleh dilakukan oleh umat Islam sekarang untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. [4 markah]
- (b) Kebanyakan umat Islam di Malaysia ialah pengikut mazhab Imam al-Syafii rahimahullah.
- (i) Terangkan keistimewaan Imam al-Syafii rahimahullah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan sumbangan beliau. [2 markah]
- (c) Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan awam untuk keselesaan awam
- (i) Nyatakan maksud kemudahan awam. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** cara menjaga kemudahan tersebut supaya sentiasa dalam keadaan baik. [4 markah]
 - (iii) Paip bomba merupakan antara kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan.
Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya kemudahan ini disalahgunakan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul

NAMA :
 TING :

.....potong di sini.....

1	A	B	C	D
2	A	B	C	D
3	A	B	C	D
4	A	B	C	D
5	A	B	C	D
6	A	B	C	D
7	A	B	C	D
8	A	B	C	D
9	A	B	C	D
10	A	B	C	D
11	A	B	C	D
12	A	B	C	D
13	A	B	C	D
14	A	B	C	D
15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D

21	
22	
23	
24	
25	
26	
27	
28	
29	
30	
31	
32	
33	
34	
35	
36	
37	
38	
39	
40	

Bah. A	Markah Objektif	Markah ITK	Jumlah Bah. A
Bah. B	Soalan 1		
	Soalan 2		
	Soalan 3		
	Soalan 4		
JUMLAH BESAR			